

03 SEP 1997

Mahathir-Perutusan

PM AJAK RAKYAT HADAPI SERANGAN TERHADAP EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat bersama-sama kerajaan menghadapi "penyangak-penyangak antarabangsa" yang sedang bergiat cergas menyerang ekonomi negara dan beberapa negara jiran.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata sokongan padu rakyat terhadap langkah-langkah yang diambil kerajaan bagi memerangi "penyangak-penyangak antarabangsa" itu amat penting bagi memastikan ekonomi negara terus kukuh dan rakyat dapat terus menikmati faedahnya.

"Apa yang telah dibina dengan rapi melalui usaha-usaha rakyat cuba dihancurkan oleh spekulator-spekulator yang tidak berhati perut ini demi keuntungan diri mereka.

"Sekaligus ini memberi makna buruk kepada pasaran bebas yang dilaung-laungkan," katanya dalam perutusan menerusi buku cenderamata sempena Perhimpunan Agung Umno selama empat hari yang bermula dengan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra esok.

Perhimpunan agung Pemuda dan Wanita akan dirasmikan serentak oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Timbalan Presiden Umno, manakala perasmian Perhimpunan Agung Umno akan dilakukan Dr Mahathir pada hari Jumaat.

Perdana Menteri berkata, serangan berbentuk spekulasi terhadap mata wang negara dan beberapa negara jiran sejak akhir-akhir ini oleh "penyangak-penyangak antarabangsa" amat dikesali.

Dr Mahathir berkata, perbuatan "penyangak-penyangak antarabangsa" itu serba sedikit menjejaskan ekonomi negara-negara yang menjadi sasaran mereka.

"Kita tidak akan membenarkan mereka ini merosakkan ekonomi-ekonomi yang sedang membangun," katanya.

Perdana Menteri juga mengajak rakyat supaya menjadi bangsa peneroka yang sedia menyahut cabaran agar mereka dapat menjadi umat yang termaju.

Sambil mengingatkan bahawa dunia tidak akan menunggu mereka, Dr Mahathir berkata: "Janganlah hendaknya pihak-pihak lain sahaja yang berjaya memonopoli ilmu-ilmu baru sedangkan kita masih meronta-ronta di belakang."

Katanya, mereka tidak sepatutnya membenarkan diri ditenggelami arus pembangunan kerana dengan memberi sumbangan dan memainkan peranan yang sewajarnya, perkembangan pesat dalam teknologi maklumat, sains dan teknologi sepatutnya turut menguntungkan mereka.

Kepada anggota Umno, Dr Mahathir berkata, pengguguran perkataan "Baru" pada nama parti itu semasa perhimpunan agung kali ini bermakna terhapuslah segala keraguan terhadap Umno sebagai satu-satunya parti yang menjadi peneraju dan pelindung bangsa sejak ia ditubuhkan pada 1946.

"Dengan itu, tamatlah satu babak dalam pergerakan parti kita. Anggota-anggota yang buat satu tempoh waktu terpisah daripada Umno sekarang telah kembali kepada kita," katanya merujuk kepada pembubaran Parti Melayu Semangat 46 tahun lepas yang sekaligus membolehkan anggota-anggotanya kembali ke pangkuan Umno.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengingatkan bahawa survival Umno, terutama dalam soal berapa lama lagi ia dapat menerajui negara, banyak bergantung kepada corak perjuangan parti itu dan kemampuannya melaksanakan program-program yang telah dirancang untuk rakyat.

Katanya, corak perjuangan dan kemampuan parti itu pula berkait rapat dengan kualiti kepimpinan Umno sama ada ia cukup berkemampuan atau hanya setakat melafazkan cita-cita sahaja.

"Jika cita-cita ini dinodai oleh perbuatan rasuah dan kita tidak membendungnya, pasti matlamat kita tidak akan tercapai. Bahkan parti tidak akan dipercayai lagi dan orang Melayu dikatakan tidak layak mentadbir," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, usaha mewujudkan kerajaan yang bersih di semua peringkat kerajaan dan parti adalah menjadi agenda penting Umno kerana kepercayaan rakyat terhadap parti itu diperolehi melalui khidmat bakti yang dicurahkan secara berterusan.

"Pemimpin-pemimpin yang terpilih memegang amanah rakyat tidak harus menghampakan sokongan mereka dengan amalan-amalan yang bertentangan sekali dengan kehendak perjuangan.

"Sifat jujur dan amanah sejak dari dulu lagi telah ditekankan oleh kepimpinan parti dan inilah yang menyebabkan kita kekal sebagai parti yang unggul," katanya.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa syukur kerana Umno berada dalam keadaan yang kukuh dan stabil sepanjang masa berkat kesedaran anggota-anggotanya bahawa hanya melalui perpaduan dan kerjasama di kalangan mereka parti itu dapat menempa pelbagai kemajuan.

Katanya, pencapaian Umno yang tinggi dalam segenap sektor kehidupan boleh dipertingkatkan lagi dengan usaha-usaha yang gigih dan tidak mengenal penat lelah agar anggota parti sentiasa berada di hadapan dalam memperolehi manfaat daripada peluang-peluang yang ada di sekeliling mereka. -- BERNAMA

AH AHH